



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PENYAMPAIAN ASPIRING SEBERANG  
PERAI PHOTOGRAPHY AWARDS 2018  
(ASPP AWARDS 2018)

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**2 DISEMBER 2018 (AHAD)**  
**4.30 PETANG**

**JALAN JETI LAMA BUTTERWORTH**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

---

*'Ucapan YBhg. Dato' YDP MPSP 2018'*

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy**  
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bagan Dalam

**Yang Dihormati Tuan-Tuan dan Puan-Puan Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Osman Mohd Tahir**  
Dekan  
Fakulti Rekabentuk & Senibina  
Universiti Pertanian Malaysia

**Encik Mohamad Rizwan Bin Rosley**  
Jurutera Daerah  
Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Utara

**Encik Sivaneswaran a/l Subramaniam**  
Jurutera Daerah  
Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah

**Yang Berusaha Prof. Madya LAr. Dr. Suhardi Maulan**  
Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)

**Yang Berusaha Encik Murali Ram**  
Pengarah Projek Butterworth  
Think City Sdn. Bhd.

**Yang Berusaha LAr. Amos Ng**  
Pengarah Urusan Spirit Of Perai Sdn. Bhd.

**Yang Berusaha Puan Leena Lee**  
Pengarah Urusan  
Wellpoint Group Sdn. Bhd.

**Yang Berusaha Encik Mohammad Zaki Arshad**

Pengerusi

Mares SM

**Yang Berusaha Puan Norly Noor**

Pengurus Besar

Mares SM

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

.....

Saya berasa amat bertuah pada hari ini kerana diberikan kesempatan untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Penyampaian *Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2018* (ASPP Awards 2018). ASPP Awards ini merupakan satu program anjuran bersama MPSP dan *Spirit Of Perai* serta rakan pengajur iaitu *Think City*. Kerjasama ini bermula sejak tahun 2016 sehingga 2020.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian kerana sudi hadir ke majlis ini.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organization*” telah mengisyiharkan Bajet MPSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan penyertaan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

Penganjuran program ASPP Awards ini secara tidak langsung adalah untuk memperkenalkan MPSP di mata dunia sekaligus merancakkan perkembangan pelancongan ke Seberang Perai. Melalui pendekatan 8Ps, *People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet & Partnership*, saya percaya program-program yang berpaksikan *people centric* lebih banyak dapat diadakan bermula tahun 2019.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pelbagai usaha dan rancangan yang telah dibuat MPSP bagi menggalakkan pelancong datang ke Seberang perai. Objektif utama penganjuran ASPP Awards ini adalah untuk memberi peluang kepada komuniti khususnya penduduk Seberang Perai berkarya melalui seni dan fotografi. Tema yang dipilih ialah My Sungai Perai yang mana peserta dibawa untuk meneroka potensi sungai daripada aspek habitat semulajadi, warisan & kebudayaan, flora dan fauna, sosio ekonomi serta makanan tempatan di sepanjang Sungai Perai melalui aktiviti fotografi.

Pada masa lalu, Sungai Perai digunakan terutamanya sebagai alat pengangkutan barang dan orang. Walau bagaimanapun, apabila urbanisasi dan pemodenan berlaku, jambatan dan rangkaian jalanan mengetepikan kepentingan sungai. Selama bertahun-tahun sejak itu,

Sungai Perai tetap diabaikan, dengan sedikit pemikiran yang diberikan kepada potensinya. Airnya juga tercemar akibat aliran air buangan ke dalam sungai dari taman-taman perumahan dan kawasan perindustrian di sepanjang Sungai Perai. Kawasan tebing di sepanjang Sungai Perai merupakan habitat hutan paya bakau di mana ianya merangkumi kawasan seluas 3,538.7 hektar. Terdapat 41 spesis pokok yang dikenalpasti tumbuh di kawasan Sungai Perai. Antaranya pokok bakau minyak, piai paya, selasih dendi, ketapang, paku rawan, tapak kuda, merbau, butang baju, ambong-ambong dan banyak lagi.

MPSP dengan kerjasama Think City dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta akan menampilkan sejumlah acara dan aktiviti setiap tahun untuk menjadikan Sungai Perai sebagai tempat yang lebih menarik untuk penggemar kesihatan dan riadah yang menyeronokkan untuk seluruh keluarga. Program ASPP ini merupakan satu langkah dalam merealisasikan impian untuk menarik pelancong dengan menghasilkan gambar-gambar yang menarik sekaligus dapat merancang aktiviti-aktiviti riadah atau sukan air yang lebih sihat.

Tema ASPP Awards bagi tahun 2018 adalah My Sungai Perai dengan hashtag *#MySungaiPerai* sebagai tagline di media-media sosial yang telah bermula sejak 1 Julai 2018 sehingga 28 September 2018. Fotografi yang layak dipertimbangkan adalah seperti Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam

(SPU), Jeti Nelayan Kampung Terus (Penanti), Persisiran sungai di sepanjang Taman Sri Murni dan Jambatan Sungai Dua (SPU), persisiran sungai di sepanjang Sungai Perai, Seberang Jaya (SPT), Jambatan di Jalan Chain Ferry (Butterworth) dan Kampung Nelayan Ujong Batu (Butterworth).

ASPP Awards kali ini telah menerima sebanyak 1653 penyertaan bagi empat (4) kategori yang dipertandingkan. Kategori-kategori yang dipertandingkan adalah seperti Profesional, Warga Seberang Perai, Pelajar Sekolah Menengah di Seberang Perai dan media social melalui instagram *#MySungaiPerai*. Bagi kategori professional, sebanyak 53 penyertaan, warga Seberang Perai sebanyak 106 penyertaan, pelajar sekolah menengah di Seberang Perai sebanyak 30 penyertaan dan media sosial melalui instagram *#MySungaiPerai* sebanyak 1464 penyertaan. Pemenang-pemenang akan membawa pulang hadiah wang tunai dan sijil penyertaan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemenang di atas usaha tuan-tuan dan puan-puan dan juga kepada yang tidak memenanginya, saya mengucapkan tahniah juga dan ribuan terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan berusaha bersama-sama MPSP, *Spirit Of Perai* dan *Think City* dalam menjayakan pertandingan ini dan menjadikan Sungai Perai ini daya tarikan bagi eko-pelancongan. Saya berharap suatu hari nanti, selain daripada kita bukukan

semua gambar-gambar ini, saya ingin mencadangkan agar kita mencuba untuk menghasilkan setem Seberang Perai (*limited edition*) atau poskad yang mempunyai gambar-gambar menarik daripada pertandingan seperti ini. Pada saya, ini merupakan salah satu langkah untuk mempromosikan kawasan-kawasan atau tempat-tempat menarik di Seberang Perai. . Saya yakin dan percaya di luar sana terdapat penggemar atau pengumpul setem dan poskad.

Akhir kata, marilah sama-sama kita merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Penang 2030 dengan wawasan Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga. Sokongan dan penglibatan rakyat adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**